

26/08/2003

Pembeli muak janji pemaju

Pembeli Keliru

SAYA mewakili pembeli rumah di Taman Tun Perak, Cheras, di mana pemaju adalah Pentedel Sdn Bhd beralamat di Nombor 11, Tingkat Dua, Jalan 52/10, 46200, Petaling Jaya, Selangor.

Berikutan masalah ini, kami ingin mendapat kepastian pemaju iaitu bilakah kami semua akan diberi kunci untuk menduduki rumah berkenaan?

Kami semua sudah muak dengan janji-janji pemaju sejak Mac lalu, tapi sampai sekarang janji tinggal janji. Apabila ditanya, jawapan yang sama diberikan iaitu bulan depan tapi tak tahu bila?

Pelbagai alasan diberikan seperti alasan Indah Water Konsortium (IWK) yang banyak kerenah. Pada pendapat saya kalau pembinaan yang betul dan mengikut klasifikasi, saya rasa tiada masalah yang berbangkit.

Kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kami harap bantulah kami dalam merealisasikan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di mana semua penduduk Malaysia 'mampu miliki rumah' sendiri.

PEMBELI KELIRU,
Kuala Lumpur.